

Melayu perlu ikut arus pembangunan

BH 14 AUG 1993

JTTA, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak boleh memperlakan program pembangunan semata-mata kerana bimbang orang Melayu tidak sempat menajarnya sebagaimana didakwa oleh sesetengah pihak.

Perdana Menteri berkata, orang Melayu akan menjadi semakin lembap jika kerajaan memperlakan pembangunan. Sebaliknya mereka akan berusaha mengejar kemajuan kerana takut ketinggalan.

Katanya, ada orang meminta kerajaan jangan bertindak terlalu cepat kerana orang Melayu tidak mampu menajarnya sedangkan sejak negara mencatatkan pertumbuhan

ekonomi yang pesat, sudah banyak anak Melayu mencapai kejayaan.

"Kalau kita perlahan, tahap kemajuan orang Melayu tidak akan berubah. Tabiat kita macam itu. Kalau kita cepat, dia takut (ketinggalan), dia (bergerak) cepat juga," katanya di majlis perjumpaan dengan rakyat di Dewan Jitra, di sini, hari ini.

Antara lebih 500 orang yang hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff, Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah, Datuk Paduka Abdullah Ismail dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Tunjang, Datuk Hanafi Ramli.

Menurutnya, kini sudah banyak anak Melayu mencapai kejayaan termasuk belajar da-

lam pelbagai bidang pengajian, berniaga, membuka kilang, membeli bank dan membeli hotel.

Malah, katanya kini ada Bumiputera yang sudah cekap dalam perniagaan dan tidak lagi menunggu kerajaan mengagihkan pegangan saham yang diambil daripada syarikat gergasi, sebaliknya mereka membeli sendiri saham di pasaran.

"Anak Melayu mula bergerak lebih pantas sebab mereka belajar dan faham bahawa untuk berniaga, mereka perlu berbuat demikian," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan melaksanakan pelbagai program pembangunan sema-

LIHAT MUKA 2

Keadilan kerajaan punca keamanan

DARI MUKA 1

ta-mata kerana mahu melihat rakyat negara ini dihormati dan menjadi 'tuan' di negara sendiri.

Beliau berkata, masyarakat luar tidak akan memandang hina terhadap negara ini jika rakyat

14 AUG 1993
mempunyai taraf hidup lebih tinggi dan mampu hidup dalam keadaan mewah serta selesa.

Sehubungan dengan itu, beliau meminta rakyat supaya sentiasa bersyukur dengan keamanan dan kestabilan negara sekarang dan berusaha le-

bih gigih bagi menambah pendapatan.

Perdana Menteri berkata, keamanan dan kestabilan yang dinikmati di negara ini sekarang sebenarnya berpunca daripada keadilan kerajaan terhadap semua kaum dan bukan sahaja Melayu

atau Bumiputera.

Katanya, bukan Bumiputera mempunyai hak dalam negara ini dan kerajaan hanya mahu mewujudkan imbang pembangunan di antara semua kaum dengan memberi bantuan tertentu kepada Bumiputera.